



**IKLAN JAWATAN *CONTRACT FOR SERVICE* (CFS)
BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1. (a) **JAWATAN** : **Akauntan**
- (b) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pengurusan dan Profesional
- (c) **AGENSI** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- (d) **PENEMPATAN** : Bahagian Khidmat Perunding, JANM
- (e) **TEMPOH KONTRAK** : Mulai tarikh lapor diri hingga 31 Disember 2023
- (f) **KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN** : RM2,550.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN** :

Pemohon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan/Perakaunan Teknologi Maklumat/Pengurusan Kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- iv. lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. (a) **JAWATAN** : **Penolong Akauntan**
- (b) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pelaksana
- (c) **AGENSI** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- (d) **PENEMPATAN** : Bahagian Khidmat Perunding, JANM
- (e) **TEMPOH KONTRAK** : Mulai tarikh lapor diri hingga 31 Disember 2023
- (f) **KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN** : RM1,620.00

(g) **SYARAT LANTIKAN** :

Pemohon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Diploma Perakaunan/Perakaunan Teknologi Maklumat/ Pengurusan Kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- iv. lulus Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. **KEMAHIRAN DIPERLUKAN** :

Pemohon bagi kedua-dua jawatan hendaklah memiliki kemahiran seperti berikut:

- (a) Mempunyai pengetahuan berkaitan *e-commerce*, pengurusan terimaan dan pengurusan projek;
- (b) Mempunyai kemahiran menggunakan komputer terutamanya bagi perisian asas seperti Microsoft Word, Excel dan PowerPoint;
- (c) Berintegriti, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan boleh bekerja dalam satu pasukan; dan
- (d) Bersedia melaksanakan tugas di luar kawasan dan lain-lain tugas yang diarah dari semasa ke semasa.

4. **CARA MEMOHON** :

- (a) Pemohon yang berminat untuk memohon jawatan ini perlu melengkapkan borang **JANM(K) 1/2008** yang dilampirkan serta memuat naik permohonan lengkap ke dalam *google drive* melalui pautan <https://bit.ly/MuatNaikDokumen> atau imbas kod QR di bawah:



Muat Turun
Borang JANM(K)
1/2008



Muat Naik
Permohonan
Lengkap

- (b) Permohonan yang tidak lengkap atau yang menggunakan borang selain **JANM(K) 1/2008** akan ditolak.
- (c) Semua maklumat yang diisi dalam borang hendaklah ditulis dengan jelas dan terang dengan HURUF BESAR.
- (d) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, salinan surat beranak, salinan sijil akademik dan sijil-sijil lain berkaitan, yang telah DISAHKAN. Dokumen asal hendaklah dibawa bersama semasa temuduga.

(e) Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** :

- i. Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
- ii. Tidak lengkap atau tidak terang
- iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iv. Tidak ditulis nombor kad pengenalan;
- v. Tidak diturunkan tandatangan.

(f) Tarikh tutup permohonan ialah pada **14 JULAI 2021 (JUMAAT)**.

5. **CATATAN AM** :

- (a) Hanya pemohon yang layak berdasarkan asas tapisan yang ditetapkan oleh JANM sahaja dipanggil temuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Jabatan ini tidak akan menanggung perbelanjaan menghadiri temuduga.
- (d) Penyambungan kontrak tertakluk kepada keputusan JANM.